

[FOTO ADNAN IBRAHIM/BH]



**Hishammuddin dan Noh melihat replika kawasan PPR FELCRA Sungai 10** selepas melancarkan APPS Sembrong - PPR dan RMMJ di Kluang, semalam.

## APPS sasar bina 2,000 rumah

**Kluang:** Agenda Pembangunan Perumahan Sembrong (APPS) menyasar pembinaan 2,000 unit rumah, khusus untuk golongan berpendapatan sederhana dan rendah, yang dijangka siap sepenuhnya pada 2021.

Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sebanyak RM97 juta subsidi diperuntukkan Kerajaan Persekutuan, manakala kerajaan negeri menyediakan tanah seluas 24 hektar di Paloh, di sini bagi menjayakan agenda berkenaan.

Hishammuddin yang juga Menteri

Pertahanan berkata, APPS tepat pada masanya yang diwujudkan bertujuan meneliti perancangan pembangunan perumahan di kawasan, supaya berada di landasan tepat.

### **Bela nasib warga Sembrong**

“Agenda ini diletakkan di bawah Kluster Perumahan yang mana ia merupakan salah satu daripada tujuh kluster yang saya sendiri gariskan demi membela nasib dan kebajikan warga Sembrong.

“Terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

Tan Sri Noh Omar, serta kepimpinan Johor kerana sudi bersama dalam majlis pada hari ini.

“Ini menunjukkan komitmen dan sokongan penuh mereka terhadap inisiatif yang dilaksanakan di Sembrong, khususnya berkaitan aspek Perumahan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan APPS Sembrong - Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di Tapak Perumahan PPR FELCRA Sungai 10, Paloh Kluang, semalam.